

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan serta aktiviti kementerian/jabatan/agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapat perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Objektif pengauditan penyata kewangan adalah untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi tahun 2020 menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan berkaitan telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2020 mengandungi perkara seperti berikut:

Bahagian I : Pengesahan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

Bahagian II : Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2020

3. Pengauditan penyata kewangan bagi tahun 2020 adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI). Antara perkara yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut adalah penyediaan Memorandum Perancangan Audit; penilaian risiko dan pengumpulan bukti audit; komunikasi dengan pihak pengurusan dan tadbir urus; persampelan dan pelaporan. Perkara ini bagi memastikan pengauditan dilaksanakan selaras dengan piawaian perakaunan dan pengauditan bagi menghasilkan laporan yang berkualiti.

4. Pandemik Covid-19 yang diisytiharkan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia pada 11 Mac 2020 masih berlarutan sehingga tahun 2021. Kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 sebagai langkah pembendungan yang memberi kesan ketara kepada aktiviti perniagaan dan kegiatan ekonomi. Pada 11 Januari 2021, Perdana Menteri telah membuat pengisytiharan Proklamasi Darurat setelah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong berikutan penularan wabak Covid-19 dan tamat pada 1 Ogos 2021. Selain itu, Kerajaan juga telah melaksanakan PKP 3.0 berkuat kuasa mulai 12 Mei 2021 hingga 28 Jun 2021. Pada masa ini, negara sedang berada dalam fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang merupakan

road-map untuk mengawal wabak Covid-19, membuka kembali masyarakat dan ekonomi secara progresif ke arah norma baharu.

5. Jabatan Audit Negara perlu menjalankan pengauditan penyata kewangan terhadap 147 Agensi Persekutuan bagi tahun kewangan 2020. Setakat 31 Disember 2021, sebanyak 140 penyata kewangan Agensi Persekutuan tahun 2020 telah siap diaudit. Daripada jumlah ini, sebanyak 109 penyata kewangan diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran manakala sebanyak 14 penyata kewangan telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan Penegasan Perkara. Daripada 109 penyata kewangan yang diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran itu, sebanyak 19 sijil mempunyai perenggan Hal-hal Lain dan satu mempunyai perenggan Perkara Utama Audit. Selain itu, sebanyak 17 penyata kewangan diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Berteguran. Sebanyak tujuh penyata kewangan masih dalam proses pengauditan.

6. Pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap lima Agensi Persekutuan melibatkan tajuk seperti berikut:

BIL.	TAJUK	AGENSI PERSEKUTUAN	KEMENTERIAN
1.	Pemulangan Caruman Kerajaan dan Penggunaan Dividen Atas Caruman Kerajaan	Lembaga Tabung Angkatan Tentera	Kementerian Pertahanan
2.	Bayaran Program Insentif Hasil Tangkapan Nelayan	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
3.	Kutipan Hasil Sewa Beli Projek Perumahan Tradisional	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
4.	Bayaran Projek Agriculture Intelligence System Fasa 1	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
5.	Kutipan Fi Pendaftaran Pengguna Data	Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

7. Laporan ini mengambil kira maklum balas auditi berkaitan isu yang dibangkitkan. Jabatan Audit Negara memberi penekanan terhadap ketidakpatuhan isu yang dibangkitkan sebagai pernyataan Audit. Bagi pengauditan pematuhan pada tahun ini, sebanyak 16 syor Audit telah dicadangkan.

8. Pihak Agensi Persekutuan dan kementerian/jabatan hendaklah memastikan pematuhan terhadap akta, pekeliling, peraturan kewangan serta kontrak yang berkuat kuasa. Agensi pusat perlu memantau dan mengawal selia semua Agensi Persekutuan dalam menjaga wang atau harta awam untuk menjaga kepentingan Kerajaan.

9. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Agensi Persekutuan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai Jabatan Audit Negara yang telah berusaha dengan gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.

Terima kasih.



(DATUK SERI NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
22 Februari 2022